

B571  
MUSA - BUKU

1981

KUALA LUMPUR, 30 JULAI (BERNAMA) — SELEPAS 11 TAHUN DITERBITKAN BUKU +MALAY DILEMMA+ TULISAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD AKHIRNYA TIDAK LAGI DIHARAMKAN DI NEGARA INI MULAI HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI DALAM NEGERI, DATUK MUSA HITAM MENGUMUMKAN HARI INI PERINTAH MELARANG PENJUALAN DAN PENGEDARAN BUKU TERSEBUT DI NEGARA INI TELAH PUN DIMANSUHKAN.

BELIAU MENGUMUMKAN DEMIKIAN DALAM PERTEMUAN DENGAN PARA PEMBERITA TENTANG PEMBEBASAN 21 ORANG TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI HARI INI.

BUKU SETEBAL 188 HALAMAN ITU DITERBITKAN DALAM TAHUN 1970 DI SINGAPURA DAN DIEDARKAN OLEH SYARIKAT FEDERAL PUBLICATIONS.

BUKU BERKENAAN SEBELUM INI DIJUAL DI SINGAPURA. —  
BERSAMBUNG 1629/MK

B572:

MUSA-BUKU 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU PENGEDAR BUKU ITU DI SINI TIDAK SEDAR BAHAWA PENGHARAMANNYA TELAH DIMANSUHKAN.

SEORANG JURUCAKAPNYA BERKATA BUKU-BUKU TERSEBUT AKAN DIEDARKAN KE KEDAI-KEDAI BUKU DI SELURUH NEGARA SEBAIK SAJA PENGHANTARANNYA DITERIMA DARI SYARIKAT DI SINGAPURA.

KATANYA BUKU TERSEBUT BOLEH DIBELI DI SINGAPURA. — BERNAMA